

## HCVF DI PADANG TUJUH TAMAN NEGERI ENDAU ROMPIN PAHANG

Padang Tujuh adalah merupakan Hutan Yang Mempunyai Nilai Pemeliharaan Tinggi (HCVF) yang kedua telah ditubuhkan di Negeri Pahang. HCVF ini telah ditubuhkan pada tahun 2011 dan terletak di Hutan Simpan Endau serta turut berada di dalam kawasan Taman Negeri Endau Rompin. Hutan ini merupakan hutan jenis kerangas dan berada pada ketinggian kurang dari 1000 m. Keistimewaan Padang Tujuh ini adalah kerana keunikan geologinya yang mana tumbuhan-tumbuhan yang terdapat di kawasan ini berdiameter kecil, daun berkulit dan tanah hutan yang nipis dan berasid serta dilapisi batu kapur. Persekitaran kawasan ini berbeza daripada kawasan sekitarnya dan vegetasi pokok yang dijumpai juga sangat unik kerana terdapat tumbuhan seperti pokok bonsai di kawasan ini. Kebiasaannya, vegetasi tumbuhan seperti ini hanya boleh ditemui di kawasan puncak gunung seperti Gunung Tahan.

Antara tarikan dan keistimewaan lain adalah terdapatnya kepelbagaian spesies periuk kera dan orkid yang dapat dijumpai di sini. Selain itu, terdapat juga sebatang sungai yang cantik dengan air yang jernih kerana keseluruhan batu yang berada di kawasan sungai ini diliputi lumut dan kelihatan berwarna hijau. Disepanjang laluan ke Padang Tujuh juga, terdapat populasi pokok palma yang unik iaitu *Johannesteysmannia altifrons* yang mana saiz daun pokok palma ini mempunyai kelebaran melebihi saiz orang dewasa. Antara lainnya, disepanjang laluan ini juga dapat ditemui pokok palma spesies endemik iaitu *Livistonia endauensis* dan pertumbuhannya sangat dominan di kawasan ini.

Padang Tujuh ini juga telah dikelaskan di bawah HCVF 3 iaitu merupakan kawasan-kawasan hutan yang berada di dalam atau mengandungi ekosistem yang nadir, terancam atau berkeadaan bahaya dan pemilihan kawasan ini dibuat kerana ia adalah merupakan Hutan Kerangas yang jarang ditemui di Semenanjung Malaysia serta terdapatnya kepelbagaian ekosistem serta landskap yang menarik di kawasan tersebut. Bagi memastikan HCVF ini dapat diuruskan dan dipantau dengan lebih sistematik, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah mengambil inisiatif dengan menghasilkan Rancangan Pengurusan Kawasan Hutan Mempunyai Nilai Pemeliharaan Yang Tinggi (HCVF), Padang Tujuh, Rompin Pahang Darul Makmur. Daripada rancangan pengurusan ini, pelbagai strategi telah dirancang bagi memastikan kepelbagaian biologi yang terdapat di kawasan ini dapat diuruskan dengan baik dan terancang. Antara perancangannya adalah seperti berikut:

- i) **Larangan pengusahasilan**- Kawasan Hutan Kerangas perlu dipelihara dengan sebaik mungkin dan sebarang aktiviti pengusahasilan di sekitar kawasan perlu dielakkan.
- ii) **Pemantauan bulanan** – Pemantauan bulanan di kawasan HCVF ini perlu dilakukan pada setiap bulan bagi mengelakkan pencerobohan dan juga berlakunya kecurian sumber di dalam tersebut,
- iii) **Pemetaan kawasan** - Kawasan HCVF Padang Tujuh perlu dipetakan dan ditentukan sempadan di atas tanah,
- iv) **Penentuan Zon Penampian** - Kawasan zon penampian perlu diwujudkan dengan ukuran minima 50 meter disekeliling kawasan HCVF,
- v) **Penyelidikan** - Jabatan Perhutanan Negeri Pahang perlu meningkatkan lagi aspek penyelidikan melibatkan flora, fauna dan habitat Hutan Kerangas keseluruhannya dengan melibatkan lebih banyak institusi penyelidikan dan universiti serta NGO,
- vi) **Pembangunan system pangkalan data** - Sistem pangkalan data dan maklumat bersepadu untuk Padang Tujuh perlu di bangunkan bagi memudahkan aktiviti pemantauan dibuat secara sistematik,
- vii) **Dokumentasi dan perkongsian hasil penyelidikan** - Jabatan Perhutanan Negeri Pahang juga disaran agar memastikan segala hasil penyelidikan yang dibuat oleh mana-mana

pengkaji di laporkan ke Jabatan dalam bentuk laporan yang sesuai termasuk buku untuk membolehkan ia disebar dan dikongsi bersama oleh masyarakat umum,

- viii) **Kajian *carrying capacity*** - Adalah dicadangkan kajian *carrying capacity* untuk kawasan HCVF ini dilakukan dengan kadar segera untuk mengetahui tahap tampung pengunjung yang bersesuaian untuk mengelakkan habitat Hutan Kerangas Padang Tujuh ini dari terganggu,
- ix) **Dialog dengan stakeholder** - Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dari semasa ke semasa di saran untuk mengadakan dialog dan perbincangan dengan stakeholder termasuk komuniti setempat untuk bertukar pendapat dan juga mendapatkan pandangan dan menilai status kawasan HCVF Padang Tujuh,
- x) **Dokumentasi *indigenous knowledge*** - Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dengan kerjasama institusi penyelidikan disaran agar mendokumentasikan pengetahuan masyarakat setempat (*indigenous knowledge*) mengenai kegunaan tumbuhan herba yang terdapat Padang Tujuh didalam bidang perubatan tradisional,
- xi) **Mengikuti perkembangan semasa** - Jabatan Perhutanan Negeri Pahang sentiasa peka dengan perkembangan semasa dan bertukar pengalaman dengan pengurus kawasan HCVF di negeri-begeri lain yang juga fokus kepada pemuliharaan ekosistem hutan,
- xii) **Pembangunan kapasiti** - Dari masa ke semasa, program latihan dan lawatan sambil belajar perlu disediakan kepada kakitangan yang terlibat secara langsung didalam mengurus kawasan HCVF Padang Tujuh untuk meningkatkan kecekapan dan kefahaman mereka dibidang yang berkaitan.

Oleh yang demikian, dengan tertubuhnya HCVF di Padang Tujuh maka kepelbagaian ekosistem dan landskap yang menarik di kawasan tersebut dapat dipelihara dan sentiasa terjamin serta tidak mengalami kepupusan akibat daripada pencerobohan mahupun pembangunan yang tidak terancang. Ini kerana, sesuatu keunikan di setiap kawasan itu berbeza dan tidak akan terdapat dikawasan yang lain. Oleh itu, usaha Jabatan Perhutanan Negeri Pahang untuk menubuhkan HCVF ini perlulah sama-sama disokong oleh setiap lapisan masyarakat agar keunikan dan kepelbagaian biologinya akan sentiasa terjamin.



Pandangan menarik di Padang Tujuh



Pokok palma yang unik di kawasan ini *Johannesteysmannia altifrons*.



Pokok palma yang endemik di kawasan ini *Livistonia endauensis*.